



KETERANGAN LANJUT
SENARAI NILAIAN BAHARU
MAJLIS DAERAH KAMPAR (MDKpr)

1. Kenapa saya menerima Notis Senarai Nilai Baharu?

MDKpr telah menghantar **Notis Senarai Nilai Baharu** kepada semua pemilik pegangan harta bertanah (*landed*) dan strata dalam kawasan pentadbiran MDKpr sebagai pemakluman mengenai pengenaan cukai taksiran baharu yang berkuatkuasa pada **01 Januari 2026**.

Ini selaras dengan keputusan **Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Perak Bil. 2163** bertarikh **27 November 2024** dan disahkan pada **11 Disember 2024** berhubung **Penguatkuasaan Senarai Nilai Baharu dan Kadar Baharu Cukai Taksiran di dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Kampar**.

2. Bila saya perlu bayar notis baharu ini?

Notis ini tidak perlu dibayar kerana bukan bil cukai taksiran. Ini hanyalah notis pemakluman awal kepada pemilik tentang pengenaan nilai baharu ke atas pegangan (harta). **Bil cukai taksiran baharu boleh diperolehi mulai 01 Januari 2026**.

3. Kenapa ada perubahan cukai taksiran dan bila kali terakhir penyediaan Senarai Nilai dibuat?

Perubahan cukai taksiran berlaku apabila suatu nilai baharu dikuatkuasakan selaras dengan Seksyen 137 Akta Kerajaan Tempatan 1976, yang menyatakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah **menyediakan Senarai Nilai Baharu setiap lima (5) tahun** atau dalam tempoh yang dilanjutkan seperti yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri. Dalam hal ini, **kali terakhir** MDKpr menyediakan Senarai Nilai adalah pada tahun **1988 (37 tahun)** dan Aras Nilai pada **tahun 1985 (40 tahun)**.



KETERANGAN LANJUT **SENARAI NILAIAN BAHARU** **MAJLIS DAERAH KAMPAR (MDKpr)**

4. Siapa yang terlibat dengan perubahan cukai taksiran baharu ini?

Semua pemilik pegangan (harta) dalam kawasan pentadbiran MDKpr, contohnya rumah kediaman, premis perniagaan, bangunan kilang/industri, menara telekomunikasi, pencawang elektrik, harta khas, tanah pertanian, tanah kosong dan lain-lain.

5. Bilakah tarikh iklan Senarai Nilaian Baharu?

Senarai Nilaian Baharu telah diiklankan pada **09 Julai 2025** melalui dua (2) surat akhbar iaitu Utusan dan New Strait Times. Nombor rujukan warta bertarikh 03 Julai 2025 nombor rujukan MDKpr (P/N) 30/225 Jld.2(13); PU.PK. 174/71 (VIII).

**KAMPAR DISTRICT COUNCIL**
LOCAL GOVERNMENT ACT 1976 (ACT 171)
NOTIS OF NEW VALUATION LIST
KAMPAR DISTRICT COUNCIL

NOTIFICATION

Pursuant to subsections 141(1), 141(3) and 142(1) of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Kampar District Council, with the approval of the State Authority has prepared the New Valuation List for the year 2026.

Therefore, the New Valuation List is open for inspection during office hours starting 25 August 2025 at the following location:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar
Jalan Iskandar
31900 Kampar
Perak Darul Ridzuan.

Any person aggrieved with the New Valuation List on any of the following grounds:

- (a) that any holding for which he is rateable is valued beyond its rateable value;
- (b) that any holding valued is not rateable;
- (c) that any person who, or any holding which, ought to be included in the Valuation List is omitted therefrom;
- (d) that any holding is valued below its rateable value; or
- (e) that any holding or holdings which have been jointly or separately valued ought to be valued otherwise,

may make an objection in writing pursuant to section 142 of the Act 171 to the President, Kampar District Council on or before 11 August 2025.

Dated 4 June 2025
[MDKpr (P/N) 30/225 Jld.2(13); PU.PK. 174/71(VIII)]

AHMAD SUQAIRY BIN ALIAS
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kampar

MOHD IKRAM BIN AHMAD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

**MAJLIS DAERAH KAMPAR**
AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)
NOTIS MENGENAI SENARAI NILAIAN BAHARU
MAJLIS DAERAH KAMPAR

PEMBERITAHUAN

Menurut subseksyen 141(1), 141(3) dan 142(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Kampar, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri telah menyediakan satu Senarai Nilaian Baharu untuk tahun 2026.

Maka, Senarai Nilaian Baharu tersebut terbuka untuk diperiksa dalam waktu pejabat bermula pada 25 Ogos 2025 di tempat berikut:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar
Jalan Iskandar
31900 Kampar
Perak Darul Ridzuan.

Seseorang yang terkilan terhadap Senarai Nilaian Baharu atas mana-mana daripada alasan-alasan berikut:

- (a) bahawa sesuatu pegangan yang baginya dia dikenakan kadar adalah dinilai lebih daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar;
- (b) bahawa sesuatu pegangan yang dinilai adalah pegangan yang tidak boleh dikenakan kadar;
- (c) bahawa seseorang atau sesuatu pegangan yang sepatutnya termasuk dalam Senarai Nilaian itu adalah ditinggalkan daripadanya;
- (d) bahawa sesuatu pegangan adalah dinilai kurang daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar; atau
- (e) bahawa sesuatu pegangan atau pegangan-pegangan yang telah dinilai secara berse sama atau berasingan sepatutnya dinilai secara lain,

boleh membuat bantahan secara bertulis menurut seksyen 142 Akta 171 kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Kampar pada atau sebelum 11 Ogos 2025.

Bertarikh 4 Jun 2025
[MDKpr (P/N) 30/225 Jld.2(13); PU.PK. 174/71(VIII)]

AHMAD SUQAIRY BIN ALIAS
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kampar

MOHD IKRAM BIN AHMAD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan



KETERANGAN LANJUT
SENARAI NILAIAN BAHARU
MAJLIS DAERAH KAMPAR (MDKpr)

6. Berapa jumlah cukai taksiran baharu yang perlu dibayar?

Contoh 1: Jumlah cukai taksiran baharu yang perlu dibayar.



MAJLIS DAERAH KAMPAR
 KOMPLEKS PENTADBIRAN, MAJLIS DAERAH KAMPAR,
 JALAN ISKANDAR, 31900 KAMPAR, PERAK DARUL RIDZUAN.

NOTIS SENARAI NILAIAN BAHARU
 (Akta Kerajaan Tempatan 1976, Seksyen 137 & 141)

NAMA PEMILIK / ALAMAT SURAT MENYURAT			

Bahawasanya dengan ini dimaklumkan berikut merupakan Notis Senarai Nilai Baru Tahun 2021 bagi menggantikan Senarai Nilai 1985 bagi pegangan yang dinyatakan dan akan berkuat kuasa mengikut ketentuan Pihak Berkuasa Negeri Perak Darul Ridzuan.

ALAMAT HARTA / PEGANGAN		NO. AKAUN	
NO. 250 JALAN AMAN 12 TAMAN AMAN FASA 2 31950 MAMBANG DIAWAN PERAK DARUL RIDZUAN		NO. LOT	
		NO. PT	
		-	
TAMAN / KAWASAN	TAMAN AMAN FASA 2	MUKIM	
		KAMPAR	

NILAI TAHUNAN LAMA	RM 1,800.00	NILAI TAHUNAN BARU	RM 3,420.00
KADAR TAHUNAN LAMA (%)	10.50	KADAR TAHUNAN BARU (%)	6.00
CUKAI TAKSIRAN LAMA	RM 189.00	CUKAI TAKSIRAN BARU	RM 205.20
		PENGURANGAN CUKAI	RM 0.00
		CUKAI PERLU BAYAR	RM 205.20

Cukai sedia ada tahun 2025

Cukai baharu berkuatkuasa 1 Januari 2026

Maka oleh yang demikian bagi sesiapa yang tidak berpuas hati seperti alasan-alasan yang terkandung di dalam Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) boleh membuat permohonan bantahan secara bertulis kepada **Yang Dipertua, Majlis Daerah Kampar**.

TARIKH AKHIR BANTAHAN	11/08/2025
TARIKH NOTIS DIKELUARKAN	9/07/2025



Borang Bantahan



Keterangan Lanjut

Pemilik harta yang terkilan boleh membuat BANTAHAN sebelum atau pada 11 Ogos 2025

YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KAMPAR

* Notis ini dicetak oleh komputer dan tandatangan tidak diperlukan.



KETERANGAN LANJUT
SENARAI NILAIAN BAHARU
MAJLIS DAERAH KAMPAR (MDKpr)

Contoh 2: Jumlah cukai taksiran baharu yang perlu dibayar.



MAJLIS DAERAH KAMPAR
 KOMPLEKS PENTADBIRAN, MAJLIS DAERAH KAMPAR,
 JALAN ISKANDAR, 31900 KAMPAR, PERAK DARUL RIDZUAN.

NOTIS SENARAI NILAIAN BAHARU
(Akta Kerajaan Tempatan 1976, Seksyen 137 & 141)

NAMA PEMILIK / ALAMAT SURAT MENYURAT			

Bahawasanya dengan ini dimaklumkan berikut merupakan Notis Senarai Nilai Baru Tahun 2021 bagi menggantikan Senarai Nilai 1985 bagi pegangan yang dinyatakan dan akan berkuat kuasa mengikut ketentuan Pihak Berkuasa Negeri Perak Darul Ridzuan.

ALAMAT HARTA / PEGANGAN		NO. AKAUN	
NO. 221 JALAN BELIMBING TAMAN GOPENG 31600 GOPENG PERAK DARUL RIDZUAN		NO. LOT	
		NO. PT	
TAMAN / KAWASAN TAMAN GOPENG		MUKIM	
		TEJA	

NILAI TAHUNAN LAMA	RM 1,980.00	NILAI TAHUNAN BARU	RM 6,600.00
KADAR TAHUNAN LAMA (%)	11.50	KADAR TAHUNAN BARU (%)	6.00
CUKAI TAKSIRAN LAMA	RM 227.70	CUKAI TAKSIRAN BARU	RM 396.00
		PENGURANGAN CUKAI	RM 111.40
		CUKAI PERLU BAYAR	RM 284.60

Maka oleh yang demikian bagi sesiapa yang tidak berpuas hati seperti alasan-alasan yang terkandung di dalam Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) boleh membuat permohonan bantahan secara bertulis kepada **Yang Dipertua, Majlis Daerah Kampar**.

TARIKH AKHIR BANTAHAN	11/08/2025
TARIKH NOTIS DIKELUARKAN	9/07/2025



Borang Bantahan



Keterangan Lanjut

YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KAMPAR

* Notis ini dicetak oleh komputer dan tandatangan tidak diperlukan.

Pengurangan Cukai diberikan melalui Dasar Had Kenaikan cukai baharu tidak melebihi 25% daripada cukai lama.

Cukai baharu berkuatkuasa 1 Januari 2026

Pemilik harta yang terkilan boleh membuat BANTAHAN sebelum atau pada 11 Ogos 2025



KETERANGAN LANJUT
SENARAI NILAIAN BAHARU
MAJLIS DAERAH KAMPAR (MDKpr)

7. Berapa kadar peratus (%) yang digunakan oleh MDKpr mengikut kategori pegangan (harta)?

Kadar peratus (%) yang digunakan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori Pegangan (Harta)	Kadar Lama (%)	Kadar Baharu (%)
1	Kediaman	6.0 – 12.5	6.0
2	Perniagaan	6.0 – 10.5	7.0
3	Perindustrian	16.5	10.0
4	Sumbangan Membantu Kadar (SMK)	Ikut kadar harta awam	Ikut kadar harta awam
5	Harta Khas	16.5	10.0
6	Pencawang TNB	10.5	8.0
7	Tanah Pertanian (Dimajukan)	2.5	1.0
8	Tanah Pertanian (Tidak Dimajukan)	0	0.5
9	Tanah Kosong -Kediaman	6.5	5.0
10	Tanah Kosong -Perniagaan	6.5	5.0
11	Tanah Kosong - Industri	6.5	5.0
12	Menara Telekomunikasi	16.5	8.0
13	Ladang Pertanian	10.5	5.0
14	Harta Penternakan	10.5	5.0

8. Bagaimana MDKpr menentukan cukai yang dikenakan?

Cukai yang dikenakan adalah berdasarkan anggaran sewa setahun sesuatu pegangan (harta). Dalam hal ini, MDKpr menggunakan asas nilai pada tahun 2021.



KETERANGAN LANJUT
SENARAI NILAIAN BAHARU
MAJLIS DAERAH KAMPAR (MDKpr)

Contoh 1: Pengiraan bagi kategori pegangan (harta) kediaman sekiranya kadar lama DIKEKALKAN.

Perkara	Nilaian Lama	Nilaian Baharu
Aras nilaian	1985	2021
Anggaran sewa sebulan	RM 200.00	RM 500.00
Nilai tahunan (x 12 bulan)	RM 2,400.00	RM 6,000.00
Kadar kediaman (sekiranya kekal)	9.5%	9.5%
Jumlah cukai taksiran setahun	RM 228.00	RM 570.00

Contoh 2: Pengiraan bagi kategori pegangan (harta) kediaman, MDKPr telah meminda kadar yang lebih MUNASABAH dan pengurangan cukai melalui Dasar Had Kenaikan tidak melebihi 25% cukai semasa:

Perkara	Nilaian Lama	Nilaian Baharu
Aras nilaian	1985	2021
Anggaran sewa sebulan	RM 200.00	RM 500.00
Nilai tahunan (x 12 bulan)	RM 2,400.00	RM 6,000.00
Kadar kediaman (Telah dipinda)	9.5%	6.0%
Jumlah cukai taksiran setahun	RM 228.00	RM 360.00
Pengurangan Cukai (-)	-	RM75.00
Jumlah cukai taksiran setahun yang perlu bayar	RM 228.00	RM 285.00

Berdasarkan perbandingan Contoh 1 dan 2, MDKpr telah memberikan **pengurangan cukai sebanyak RM285.00 setahun** selepas meminda kadar dan pengurangan melalui Dasar Had Kenaikan yang telah digunapakai



KETERANGAN LANJUT
SENARAI NILAIAN BAHARU
MAJLIS DAERAH KAMPAR (MDKpr)

9. Berapa perubahan cukai baharu yang akan berkuatkuasa pada 01 Januari 2026?

Bagi pegangan harta yang tiada perubahan matan atau penambahan ruang lantai, **had kenaikan cukai taksiran baharu adalah tidak melebihi dua puluh lima peratus (25%) daripada cukai taksiran lama (cukai semasa).**

Sekiranya perubahan cukai baharu melebihi had kenaikan yang ditetapkan, maka pengurangan cukai akan diberikan kepada pegangan tersebut. Dalam notis, **Cukai Perlu Bayar** adalah seperti di dalam kotak berwarna kelabu.

NILAI TAHUNAN LAMA	RM 1,980.00	NILAI TAHUNAN BARU	RM 6,600.00
KADAR TAHUNAN LAMA (%)	11.5	KADAR TAHUNAN BARU (%)	6.0
CUKAI TAKSIRAN LAMA	RM 227.70	CUKAI TAKSIRAN BARU	RM 396.00
Jumlah cukai perlu bayar berkuatkuasa 1 Januari 2026		PENGURANGAN CUKAI	RM 111.40
		CUKAI PERLU BAYAR	RM 284.60

10. Kenapa CUKAI PERLU BAYAR di dalam notis yang saya terima menunjukkan kenaikan yang tinggi?

Terdapat sebahagian pegangan (harta) yang menunjukkan kenaikan tinggi berdasarkan faktor berikut:

- Perubahan matan iaitu tanah kosong telah siap dibina dengan bangunan kediaman/perniagaan/industri;
- Perubahan matan iaitu bangunan kediaman yang diubahsuai menjadi perniagaan/industri;
- Perubahan matan iaitu bangunan perniagaan yang diubah menjadi industri.
- Penambahan ruang lantai kediaman/perniagaan/industri. Contohnya: rumah kediaman satu tingkat telah diubahsuai menjadi rumah dua tingkat.



KETERANGAN LANJUT
SENARAI NILAIAN BAHARU
MAJLIS DAERAH KAMPAR (MDKpr)

11. Apa perlu saya buat bila dapat notis ini dan bila tarikh akhir bantahan?

Pemilik pegangan (harta) perlu memahami maksud notis tersebut terlebih dahulu dan sekiranya terdapat pertanyaan lanjut boleh menghubungi Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta di talian **05-4671041 / 05-4671058** atau **05-4671072**.

Sekiranya pemilik pegangan (harta) tidak berpuas hati atau terkilan dengan Senarai Nilai Baru, maka bolehlah **mengemukakan bantahan sebelum atau pada 11 Ogos 2025**.

12. Bagaimana untuk mengemukakan bantahan kepada MDKpr?

Sebarang bantahan boleh dikemukakan dengan mengisi borang:

- a) Melalui imbasan kod QR seperti di bawah (juga tertera pada notis menyemak)
- b) Melalui muat turun borang bantahan di portal rasmi Majlis Daerah Kampar dan:
 - i. E-mel kepada bantahansnb@mdkampar.gov.my atau
 - ii. Dialamatkan kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar, Jalan Iskandar, 31900 Kampar, Perak.

Sila hubungi talian **05-4671041 / 05-4671058** atau **05-4671072** (waktu pejabat) untuk sebarang pertanyaan.

Sila imbas kod QR:



Borang Bantahan ke atas Senarai Nilai Baru Majlis Daerah Kampar.



KETERANGAN LANJUT
SENARAI NILAIAN BAHARU
MAJLIS DAERAH KAMPAR (MDKpr)

Contoh Borang Bantahan Ke Atas Senarai Nilai Baru

	MAJLIS DAERAH KAMPAR JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA ARAS 1, KOMPLEKS PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH KAMPAR JALAN ISKANDAR 31900 KAMPAR NO. TEL : 05-4671041 E-MEL : bantahansnb@mdkampar.gov.my
BANTAHAN KE ATAS SENARAI NILAIAN BAHARU	
1. Nama Pemilik : _____ (Merujuk nama pemilik harta dalam bil)	
2. No. Kad Pengenalan : _____	
3. No. Telefon : _____	
4. Alamat Surat Menyurat : _____ _____ _____ _____	
5. Alamat Harta : _____ _____ _____ _____	
6. No. Akaun Cukai Taksiran : T- _____	
7. Alasan Bantahan berdasarkan Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 : (Sila tandakan (/) untuk alasan bantahan)	
☐ a) Bahawa sesuatu pegangan yang baginya dia dikenakan kadar adalah dinilai lebih daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar.	
☐ b) Bahawa sesuatu pegangan yang dinilai adalah pegangan yang tidak boleh dikenakan kadar.	
☐ c) Bahawa seseorang atau sesuatu pegangan yang sepatutnya termasuk dalam Senarai Nilai itu adalah ditinggalkan daripadanya.	
☐ d) Bahawa sesuatu pegangan yang dinilai kurang daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar.	
☐ e) Bahawa sesuatu pegangan atau pegangan-pegangan yang telah dinilai secara bersekali atau berasingan sepatutnya dinilai secara lain.	
Nota : i. Pemilik harta hendaklah menjelaskan bayaran cukai taksiran semasa dan tunggakan terlebih dahulu sekiranya ada sebelum bantahan ini diproses. ii. Hanya pemilik harta sahaja yang dibenarkan membuat bantahan. iii. Borang yang telah lengkap boleh dihantar ke alamat atau e-mel yang tertera di atas.	
Tandatangan Pemilik : _____ Tarikh : _____	

Disediakan oleh:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Majlis Daerah Kampar
Kemas kini 4 Julai 2025